

Hubungan Antara Kerja Rumah Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Harian Biasa

Yeo Kee Jiar & Lim Wai Wai

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kerja rumah telah menjadi komponen yang penting dalam persekolahan di Malaysia. Walaupun terdapat banyak laporan yang menyatakan bahawa amaun kerja rumah yang diterima oleh pelajar agak berlebihan, tetapi dari sudut lain, kerja rumah dianggap berfaedah kerana dapat menyumbang kepada pencapaian yang tinggi. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti hubungan antara peruntukan masa responden dalam menyiapkan kerja rumah, jenis kerja rumah (latihan dan persediaan) dan cara pengelolaan guru (semasa dan selepas kerja rumah diberikan) dengan pencapaian akademik bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah. Sampel kajian terdiri daripada 120 orang pelajar tingkatan dua dari tiga buah sekolah menengah harian biasa yang dipilih secara rawak iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Tebrau, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tun Aminah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Johor Jaya 2. Satu set soal selidik terdiri daripada dua bahagian, iaitu Bahagian A mengenai latar belakang responden dan Bahagian B terdiri daripada 30 soalan yang berbentuk skala Likert digunakan sebagai instrumen kajian ini. Data daripada soal selidik dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian komputer *Statistical Packages For Social Sciences 11 for Windows (SPSS 11 for Windows)*. Nilai kebolehppercayaan kajian ini ialah $\alpha = 0.8561$. Hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan yang signifikan tetapi lemah dengan pencapaian akademik terdapat dalam dua aspek: (1) antara peruntukan masa dalam kerja rumah Bahasa Inggeris dan Sejarah dengan pencapaian dalam subjek ini; (2) cara pengelolaan guru dalam kerja rumah Bahasa Inggeris (selepas kerja rumah diberikan) dengan pencapaiannya. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat korelasi yang signifikan dengan pencapaian akademik dalam tiga aspek: (1) peruntukan masa dalam kerja rumah Matematik; (2) kerja rumah jenis latihan dan persediaan dalam Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah; (3) cara pengelolaan guru (semasa dan selepas kerja rumah diberikan) bagi Matematik dan Sejarah dan cara pengelolaan guru (selepas kerja rumah diberikan) bagi Bahasa Inggeris.

Katakunci : hubungan kerja rumah, peruntukan masa, pencapaian akademik pelajar

Pengenalan

Kerja rumah merupakan sebahagian kehidupan pelajar mahupun mahasiswa yang tidak dapat dielakkan. Isu kerja rumah telah lama diperdebatkan antara para pendidik, ibu bapa dan pelajar sendiri di luar negara mahupun negara kita sendiri. Kerja rumah telah dibahaskan secara putaran sejak hujung 1800, apabila pelajar dari sekolah rendah (gred satu hingga gred empat) jarang menerima kerja rumah dan *grammar school* (gred lima hingga lapan) secara tipikalnya menerima kerja rumah dua hingga tiga jam setiap malam (Gill dan Schlossman, 2004).

Hagan (1927) adalah penyelidik pertama dari Amerika yang menentukan kesan kerja rumah terhadap pencapaian akademik berbanding dengan kesan kajian seliaan yang dilakukan dalam sekolah. Malangnya, hasil kajian dapatan ini adalah tidak diketahui. Daripada akhir abad 19 iaitu di antara 1940, kesihatan kanak-kanak dan peralihan pendidikan yang progresif telah membawa ancaman terhadap kerja rumah bagi pelajar dari sekolah rendah dan sekolah menengah rendah. Sesetengah juga menuduh kerja rumah berkaitan dengan kadar mortaliti

kanak-kanak (Gill dan Schlossman, 1996) sementara seorang penulis telah menyatakan bahawa kerja rumah sebagai “*legalizes criminality*” (Nash 1930, 7).

Walaupun bagaimanapun pada masa kini, tidak hanya terdapat ketidaksetujuan terhadap nilai kerja rumah tetapi tentang sama ada pelajar diberikan kerja rumah yang terlalu banyak ataupun terlalu sedikit. Seseengah penyelidik telah melaporkan bahawa sungguhpun orang ramai membangkang terhadap kerja rumah, akan tetapi kebanyakan daripada ibu bapa dan pendidik menyokong kerja rumah. Menurut data yang diperolehi daripada National Assessment of Educational Progress (NAEP), didapati bahawa kebanyakan pelajar dalam semua tahap gred memperuntukkan masa kurang sejam secara puratanya untuk melaksanakan kerja rumah.

Penyataan Masalah

Peruntukan masa dalam kerja rumah dengan pencapaian selalunya hangat dipertikaikan oleh orang ramai. Walaupun banyak kajian yang dilakukan menunjukkan peruntukan masa yang banyak dalam kerja rumah mempunyai hubungan positif dengan pencapaian pelajar. Namun demikian, satu kajian menyatakan bahawa pelaksanaan kerja rumah adalah suatu amalan yang membazirkan masa.

Menurut kumpulan penyelidik dari Australian dalam artikel “*Australian Principle : Homework a waste of time,*” pada 28 Julai 2004 telah menyatakan bahawa pelajar di Malaysia memperuntukkan purata sebanyak 3.8 jam dalam sehari untuk menyiapkan kerja rumah dianggap suatu tindakan yang membazir masa. Ini disebabkan daripada kajian yang dilakukan oleh Australian Council for Educational mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa yang banyak dalam menyiapkan kerja rumah dengan pencapaian mereka.

Rentetan daripada itu, adalah wajar lebih kajian dijalankan untuk mengenal pasti sejauh mana hubungan peruntukan masa dalam kerja rumah dengan pencapaian pelajar. Pencapaian juga dikaitkan secara tidak langsung dengan jenis kerja rumah yang dilaksanakan, cara guru mengelolakan kerja rumah iaitu semasa dan selepas kerja rumah diberikan.

Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji hubungan peruntukan masa oleh pelajar untuk melaksanakan kerja rumah, jenis kerja rumah, cara pengelolaan guru dalam pemberian kerja rumah dengan pencapaian memandangkan terdapat kontroversi dalam peruntukan masa dengan pencapaian dan juga kurangnya kajian yang dijalankan ke atas hubungan jenis kerja rumah dan juga cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah dengan pencapaian.

Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian yang akan dijalankan ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara kerja rumah dari aspek peruntukan masa, jenis dan cara pengelolaan guru bagi mata pelajaran tertentu sahaja dengan pencapaian akademik pelajar tingkatan dua dalam mata pelajaran tersebut di sekolah menengah harian biasa. Secara lebih spesifik, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti:

- i) hubungan antara peruntukan masa dalam kerja rumah dengan pencapaian akademik pelajar bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah.
- ii) hubungan antara kerja rumah jenis latihan dengan pencapaian akademik pelajar bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah.
- iii) hubungan antara kerja rumah jenis persediaan dengan pencapaian akademik pelajar bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah.

- iv) hubungan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (semasa kerja rumah diberikan) dengan pencapaian akademik pelajar bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah.
- v) hubungan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (selepas kerja rumah diberikan) dengan pencapaian akademik pelajar bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah.

Kepentingan Kajian

Penyelidik cenderung untuk menjalankan penyelidikan ini memandangkan sesetengah pencapaian akademik pelajar masih dalam tahap yang rendah walaupun memperuntukkan masa untuk menyiapkan latihan-latihan kerja rumah. Dengan melakukan kajian ini, gambaran yang jelas dan signifikan terhadap hubungan kerja rumah dengan pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah dapat ditinjau. Lantaran itu, ia akan membantu pihak yang berkenaan seperti pelajar sendiri, pihak ibu bapa, guru, pihak sekolah dan Kementerian Pelajaran Malaysia menentukan langkah-langkah seterusnya selepas hasil dapatan diperolehi.

Pelajar Sendiri : Menurut kumpulan penyelidik dari Australian dalam artikel "*Australian Principle : Homework a waste of time,*" pada 28 Julai 2004 telah menyatakan bahawa kerja rumah perlu dihentikan untuk murid-murid ke atas Year 9 di Australia kerana kerja rumah menyebabkan mereka sentiasa bertengkar dengan keluarga mereka dan juga merampas zaman kegembiraan kanak-kanak mereka. Setelah mengenal pasti hubungan antara peruntukan masa dalam kerja rumah dengan pencapaiannya melalui kajian ini, maka pelajar dapat merancang dan membahagikan masa dengan bijak antara masa untuk menyiapkan kerja rumah dengan melakukan aktiviti lain seperti berinteraksi dengan keluarganya.

Pihak ibu bapa : Bagi pihak ibu bapa pula, kajian ini dapat membantu para ibu bapa lebih menyedari peranan mereka semasa memberi dorongan kepada anak mereka untuk menyiapkan kerja rumah. Ibu bapa akan lebih memahami keperluan anak-anak mereka. Dengan itu, pemaksaan anak-anak untuk menyiapkan kerja rumah oleh ibu bapa dapat dielakkan. Secara tidak langsung kajian ini dapat mewujudkan hubungan yang mesra antara pelajar dengan keluarganya.

Guru : Adalah tidak dinafikan bahawa guru memainkan peranan yang penting dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini dapat membantu guru-guru menggunakan strategi dan pendekatan yang lebih sesuai semasa memberi kerja rumah kepada pelajar. Kajian ini juga akan memberi serba sedikit maklumat kepada guru tentang jenis-jenis kerja rumah yang sesuai yang akan meningkatkan pencapaian pelajar. Dengan kata lain, kajian ini secara tidak langsung akan membantu guru menilai, membaiki dan meningkatkan pendekatan pengajaran yang mempunyai hubungan rapat dengan mutu pencapaian pelajar. Di samping itu, analisis data dalam kajian ini juga berguna kepada guru terutamanya guru kaunselor yang akan memberi khidmat nasihat kepada pelajar yang menghadapi masalah dalam pembelajaran.

Pihak Sekolah : Hasil kajian ini juga mustahak bagi membantu pentadbir sekolah khususnya ketua panitia menentukan buku kerja yang sesuai digunakan oleh pelajar agar latihan-latihan di dalam buku kerja tersebut adalah tidak terlalu kompleks sehingga memakan masa yang panjang untuk pelajar menyelesaikannya. Pihak sekolah dapat menentukan langkah yang seterusnya daripada dapatan kajian yang diperolehi umpamanya mengadakan ceramah untuk membantu pelajar dalam membuat pengagihan masa dalam kerja rumah dengan aktiviti lain secara

seimbang, menyediakan suasana dan kegiatan pembelajaran yang lebih sesuai dan berkesan serta menyediakan buku panduan pemberian kerja rumah terhadap pelajar kepada guru.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) : Daripada kajian ini, kita dapat mengenal pasti hubungan antara kerja rumah dengan pencapaian akademik pelajar yang dapat dijadikan salah satu sumber dan rujukan penyelidikan KPM yang seterusnya. Secara keseluruhannya, kajian ini penting untuk membantu pihak yang berkenaan seperti yang dibincangkan di atas menentukan langkah-langkah yang seterusnya yang perlu diambil.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah deskriptif yang dilakukan dengan soal selidik. Menurut Azizi Yahaya et.al (2006), kajian berbentuk deskriptif adalah bertujuan untuk mendapatkan ukuran ataupun gambaran berkaitan keadaan ataupun ciri populasi. Kajian deskriptif dapat menerangkan dan menjelaskan keadaan atau perhubungan, pendapat pada proses yang berlaku, keberkesanan dan corak yang dibangunkan (Best dan Kahn,1998). Lantaran itu, rekabentuk ini dipilih kerana ia amat sesuai untuk mendapatkan maklumat tentang pembolehubah yang hendak dikaji dan menjelaskan permasalahan secara kuantitatif.

Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji hubungan antara peruntukan masa, jenis (latihan dan persediaan), cara pengelolaan guru (semasa dan selepas kerja rumah diberikan) dengan pencapaian akademik bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah pelajar tingkatan dua di sekolah menengah harian biasa. Menurut Azizi Yahaya et.al (2006), pembolehubah tak bersandar adalah satu bahagian daripada persekitaran yang dimanipulasikan, manakala kesan tingkah laku manipulasi adalah pembolehubah bersandar iaitu apa yang diukur. Justeru itu, pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini adalah peruntukan masa, jenis (latihan dan persediaan), cara pengelolaan guru (semasa dan selepas kerja rumah diberikan) manakala pembolehubah bersandar adalah pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah.

Bagi menentukan hubungan antara peruntukan masa, jenis (latihan dan persediaan), cara pengelolaan guru (semasa dan selepas kerja rumah diberikan) dengan pencapaian akademik bagi ketiga-tiga mata pelajaran tersebut, statistik korelasi telah digunakan.

Populasi dan Sampel Kajian

Pada dasarnya, kajian ini adalah meliputi semua pelajar tingkatan dua di daerah Johor Bahru, Johor. Saiz sampel yang besar boleh meninggikan kesahan dan kebolehpercayaan skor yang lebih memantapkan kajian (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999). Namun demikian, penyelidik hanya mengambil tiga buah sekolah menengah harian biasa secara rawak untuk dijadikan sampel kajian memandangkan saiz sampel yang besar memerlukan kos yang tinggi dan tenaga pengkaji yang banyak. Maka, persampelan yang digunakan ialah persampelan berkelompok di mana populasi dibahagikan kepada kawasan dan sebilangan kawasan ini dipilih sama ada secara rambang atau cara berstrata bagi dimasukkan ke dalam sampel (Azizi Yahaya et.al , 2006).

Dalam kajian ini, tiga buah sekolah yang dipilih untuk mewakili sekolah menengah harian biasa mengikut kawasan ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tun Aminah yang mewakili kawasan hulu Johor Bahru, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Johor Jaya 2 yang mewakili pertengahan Johor Bahru dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Tebrau pula yang mewakili hujung Johor Bahru. Pelajar yang terlibat di setiap sekolah adalah 40 orang yang terdiri daripada pelajar perempuan dan pelajar lelaki dari kelas terbaik setiap sekolah. Dengan kata lain, sampel kajian ini adalah 120 orang responden. Pemilihan saiz sampel kajian ini adalah menepati

apa yang dinyatakan oleh Alreck & Settle (1995) di mana beliau mencadangkan had bilangan sampel di antara 30 hingga 500 yang dipilih secara rawak iaitu 10% daripada saiz populasi kajian.

Sampel yang dipilih untuk terlibat dalam kajian ini kerana pelajar-pelajar ini tidak terlibat dalam peperiksaan utama iaitu Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan juga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di samping mereka tidak mengambil Matematik yang lebih khusus seperti Matematik Moden dan Matematik Tambahan.

Instrumen Kajian

Menurut Abdul Aziz (1995), cara yang terbaik dalam kajian analisis adalah mengedarkan soal selidik bagi mendapat maklumat yang diperlukan. Soal selidik yang sempurna dapat mengukur dan mengumpul data dengan berkesan dan meningkatkan kejayaan penyelidikan (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999). Justeru itu, penyelidik memilih kaedah ini iaitu soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan maklumat dan data yang lebih tepat. Terdapat dua bahagian iaitu bahagian A and bahagian B dalam set soal selidik ini.

Bahagian A

Bahagian ini mengandungi item-item yang berkaitan dengan latar belakang dan maklumat demografi responden iaitu jantina, bangsa, markah bagi subjek Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah dalam peperiksaan akhir tahun tingkatan satu dan masa yang digunakan untuk menyiapkan kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah dalam seminggu. Pelajar dikehendaki menandakan (/) pada kenyataan yang betul.

Bahagian B

Bahagian B pula terdiri daripada 30 soalan untuk dua pembolehubah iaitu jenis kerja rumah (latihan, persediaan dan tambahan) dan cara pengelolaan guru (semasa dan selepas kerja rumah diberikan) bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah dengan setiap satu pembolehubah mempunyai 15 soalan masing-masing. Setiap item soalan adalah disusun secara rawak mengikut dua pembolehubah ini seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1 Pengelasan item soalan berdasarkan tiga pembolehubah dalam set soal Selidik

Pembolehubah yang dikaji	Soalan	Item
<u>Jenis kerja rumah</u>		
i) Jenis Latihan	1, 7, 13, 19, 25	5
ii) Jenis Persediaan	3, 9, 15, 21, 27	5
iii) Jenis Tambahan	5, 11, 17, 23, 29	5
<u>Cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah</u>		
i) Semasa kerja rumah diberikan	2, 6, 10, 14, 18, 22	6
ii) Selepas kerja rumah diberikan	4, 8, 12, 16, 20, 24, 26, 28, 30	9
	JUMLAH:	30

Kajian Rintis

Kajian rintis adalah bertujuan untuk mendapat maklumat berkenaan kejelasan dan kemudahan bahasa yang digunakan, bentuk-bentuk soalan yang dikemukakan, kefahaman

terhadap soalan dan kesesuaian masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan ujian yang diberikan (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999).

Kajian rintis ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti. Seramai 20 orang responden (pelajar tingkatan dua) telah dipilih secara rawak untuk menjawab item-item soal selidik. Pelajar-pelajar telah diberikan 20 minit untuk membaca, memahami dan menandakan kenyataan yang betul. Sebaik sahaja responden selesai menjawab, borang soal selidik dikumpulkan dan dianalisis dengan *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* bagi mendapat kebolehpercayaan soal selidik.

Kajian rintis dijalankan adalah untuk mengenal pasti item-item yang diuji dalam soal selidik adalah sesuai, betul dari segi tatabahasa dan mudah difahami oleh responden. Item-item yang dianggap tidak sesuai atau tidak betul dalam soal selidik kajian rintis akan diperbaiki sebelum soal selidik sebenar diedarkan. Selain itu, kajian rintis juga digunakan untuk mendapatkan anggaran masa yang sesuai untuk mentadbir soal selidik yang sebenar.

Menurut Suhaimi (1996), jika nilai alpha, ' α ' didapati kurang daripada 0.7, maka item dalam soal selidik adalah perlu diperbaiki. Secara kesekuruhan nilai ' α ' bagi ketiga-tiga mata pelajaran dalam kajian rintis ini ialah 0.8561. Ini menunjukkan tidak terdapat item-item yang tidak sesuai yang perlu diperbaiki.

Analisis Data

Berdasarkan penganalisan data yang telah dilakukan dalam bab ini, secara keseluruhannya didapati bahawa kajian ini telah dapat mencapai objektif-objektifnya yang telah ditetapkan dalam bab satu. Jadual berikut menunjukkan keputusan penuh hipotesis secara keseluruhan daripada kajian yang telah dijalankan.

Jadual 2: Keputusan penuh hipotesis dalam hubungan antara kerja rumah dengan pencapaian akademik pelajar

	HIPOTESIS	KEPUTUSAN
H ₀₁	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa untuk membuat kerja rumah Matematik dengan pencapaian Matematik	Diterima
H ₀₂	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa untuk menyiapkan kerja rumah Bahasa Inggeris dengan pencapaian Bahasa Inggeris	Ditolak
H ₀₃	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa untuk menyiapkan kerja rumah Sejarah dengan pencapaian Sejarah	Ditolak
H ₀₄	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis latihan Matematik dengan pencapaian Matematik	Diterima
H ₀₅	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis latihan Bahasa Inggeris dengan pencapaian Bahasa Inggeris	Diterima

Ho ₆	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis latihan Sejarah dengan pencapaian Sejarah	Diterima
Ho ₇	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis persediaan Matematik dengan pencapaian Matematik	Diterima
Ho ₈	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis persediaan Bahasa Inggeris dengan pencapaian Bahasa Inggeris	Diterima
Ho ₉	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis persediaan Sejarah dengan pencapaian Sejarah	Diterima
Ho ₁₀	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru (semasa kerja rumah Matematik diberikan) dengan pencapaian Matematik	Diterima
Ho ₁₁	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru (semasa kerja rumah Bahasa Inggeris diberikan) dengan pencapaian Bahasa Inggeris	Diterima
Ho ₁₂	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru (semasa kerja rumah Sejarah diberikan) dengan pencapaian Sejarah	Diterima
Ho ₁₃	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru (selepas kerja rumah Matematik diberikan) dengan pencapaian Matematik	Diterima
Ho ₁₄	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru (selepas kerja rumah Bahasa Inggeris diberikan) dengan pencapaian Bahasa Inggeris	Ditolak
Ho ₁₅	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru (selepas kerja rumah Sejarah diberikan) dengan pencapaian Sejarah	Diterima

Perbincangan

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hubungan antara kerja rumah jenis latihan dan jenis persediaan dengan pencapaian bagi Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah adalah tidak signifikan. Ini bermakna kerja rumah jenis latihan dan jenis persediaan adalah tidak berhubung kait dengan pencapaian bagi Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah.

Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Cooper (1989b) yang melaporkan bahawa adalah tiada keputusan yang menyakinkan berkaitan dengan perbandingan antara kerja

rumah jenis latihan dan juga jenis persediaan dengan pencapaian. Cooper mendapati bahawa jenis kerja rumah selalunya dikaji secara bebas. Namun demikian, dapatan kajian ini adalah berbeza dengan pandangan daripada Butler (1987) yang menyatakan bahawa kesesuaian jenis kerja rumah akan meningkatkan tahap pencapaian untuk pelajar sekolah menengah. Hubungan jenis latihan dan jenis persediaan adalah tidak berkait dengan pencapaian pelajar mungkin disebabkan sikap pelajar yang malas yang enggan menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa adalah tiada hubungan antara cara pengelolaan guru (semasa dan selepas kerja rumah diberikan) dengan pencapaian dalam Matematik dan Sejarah dan juga cara pengelolaan guru (selepas kerja rumah diberikan) dalam Bahasa Inggeris.

Hasil analisis yang diperolehi ini adalah sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Walberg (1991) yang mengkaji kesan peranan guru terhadap kerja rumah dengan pencapaian. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar yang menghantar kerja rumah untuk dinilai tidak semestinya memperolehi pencapaian yang baik. Di samping itu, menurut Sharp, Keys & Benefield (2001), pemberian kerja rumah yang tidak bersesuaian dengan tahap pelajar, arahan yang tidak jelas semasa memberikan kerja rumah dan juga guru tidak mempunyai masa untuk memberi maklum balas kepada pelajar tidak semestinya memberi kesan negative kepada pencapaian pelajar walaupun tindakan tersebut akan mengehadkan keberkesanan aktiviti kerja rumah.

Di samping itu, guru juga mungkin memberi gred sahaja semasa menyemak kerja rumah pelajar ataupun memberi gred bersama dengan komen guru. Menurut rencana Assessment for Learning- Homework, pemberian gred yang disertai oleh komen guru tidak memberi kesan dalam pencapaian pelajar walaupun komen yang diberikan oleh guru adalah cara untuk pelajar yang memperbetulkan kesilapan tersebut. Ini adalah kerana kebanyakan pelajar hanya akan memberi tumpuan kepada markah atau gred yang diberikan oleh guru yang lantas mengabaikan komen yang diberikan oleh guru. Pelajar yang mendapat gred yang rendah akan merasakan diri gagal dalam pencapaian sementara mereka yang mendapat markah yang tinggi akan mengabaikan terus melihat cara yang diberikan oleh guru untuk memperkukuhkan kerja mereka atau bahagian yang hendak diperbaiki.

Dengan kata lain, kekurangan latihan kursus dalam bagaimana mengelolakan kerja rumah secara berkesan akan mengakibatkan guru tidak mempunyai teknik dan kemahiran yang betul dan berkesan dalam menyemak, memberi gred dan komen terhadap kerja rumah yang secara tidak langsung akan menjejaskan pencapaian pelajar.

Rujukan

- Azizi Yahaya et.al (2006). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: teori, analisis dan interpretasi*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Baddeley, A. D. (1990) *Human Memory: Theory and Practice*. London: Lawrence Erlbaum Associates.
- Coulter, F (1981). *A study of homework time of a high school sample*. *Perceptual and Motor Skill*, 103-106
- Diane F.H et al (2007). *Encouraging Girls in Mathematics and Science*. Clarment Mc Kenna College.
- Eren Ozkan and Daniel J. Henderson (2007). *The Impact of Homework on Student Achievement*. Working Paper.

- Friesen, Charles D. (1976). The Effect of Exploratory and Review Homework Exercises upon Achievement, Retention, and Attitude in a First-year Algebra Course. *dissertation abstracts international* 36A:6527.
- Goodwin, C.J (2005). Research in psychology Methods and Design Fourth Edition. United State: John Wiley & Sons, Inc.
- Hagan, H. (1927). The value of homework as compared with supervised study. *Second Yearbook, Chicago Principal's Club*, 147-149.
- Idayu Khalid (2000). *Amalan Kerja Rumah Sebagai Satu Strategi Pengajaran dan Pembelajaran di SK & SRJK. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda*
- Jan de Lange (1999). Framework for Classroom Assessment in Mathematics. Freudenthal Institute.
- Koch, E.A. (1965). Homework in arithmetic. *Arithmetic Teacher*, 12, 9-13
- Lange, J. (1987). *Mathematics, Insight and Meaning*. Utrecht: OW & OC, Utrecht University.
- Murphy, J., & Decker, K. (1989). Teachers' use of homework in high schools. *Journal of Educational Research*, 82(5), 261-269.
- Nancy Keates (2007). School Turn Down The Heat On Homework. The wall Street Journal.
- Pressley, M (1995). *Cognition, Teacher and Assessment: British* : Harper Collins College Publishers
- Ronald A.M. & Christina. K (2006). Introduction to Research Methods and Statistic in Psychology. England: Pearson/ Practice Hall.
- Swank, A.L.G. (1999). The effect of weekly math homework on fourth grade student math performance. *Master of Arts Action Research Project*, Johnson Bible College.
- Tamir (1985). *Penyelesaian Masalah dalam Pendidikan Matematik Peringkat Awal. Jurnal Bahagian Pendidikan Guru*. Kementerian Pendidikan Malaysia. 8-10
- Thomas P.H (2007). Educational Assessment: A Practical Introduction. United State: John Wiley & Sons, Inc.
- Ward, Barbara, et al. (1983). The Relationship of Students' Academic Achievement to Television Watching, Leisure Time Reading and Homework. Denver, CO: Education Commission of the States, ED 236 249.